

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA

DI JOHOR BAHRU, MALAYSIA

TUNTUTAN NO. TPM-J-(B)-674-2023

**SUNDARES VAREN NAIR A/L RAMESVAREN - PIHAK YANG
MENUNTUT**

**CALPOWER SDN BHD - PIHAK PENENTANG
(489015 -M)**

SEBAB KEPUTUSAN

FAKTA KES

Fakta kes ini adalah seperti berikut :-

1.1 PYM telah membeli sebuah kereta Ford Ranger buatan tahun 2018 no. pendaftaran VCK6764 daripada PP. PP telah menyerahkan kereta kepada PYM pada 18 Ogos 2023 . Harga kereta adalah RM88,000 dan jumlah bayaran adalah termasuk harga insuran, yuran proses, bayaran Puspakom dan yuran perjanjian adalah RM 95,075.00. PYM telah membayar deposit RM 10,075.00 dan baki jumlah bayaran dari pinjaman bank secara sewa beli.

1.2 Setelah 23 hari dari penerimaan kereta iaitu pada 9 Sep 2023, semasa PYM memandu kereta beliau mendapati kereta telah dengan tiba -tiba hilang kuasa. Beliau telah memaklumkan PP melalui telefon dan ke mekanik yang terdekat yang tidak dapat membantunya dan telah merujuk PYM ke Pusat Servis kereta Ford. Pada 11 Sep 23, PYM telah ke Century Legion Sdn Bhd sebuah Pusat Servis Ford di Taman Johor. Dengan alat pemeriksaan yang ada, Century Legion telah mendapati banyak bahagian yang rosak termasuk Sensor Engine. Disamping itu

Century Legion juga mengesahkan bahawa odometer kereta telah diusik. Perkara ini dinyatakan secara hitam putih dalam sebut harga RM 5669.15 Century Garden yang dikeluarkan kepada PYM bertarikh 11 Sep 2023. Pada 12 sep 2023, PYM berdasarkan sebut harga Century Legion telah menuju ke kedai PP menuntut PP menanggung pembaikan berdasarkan kerosakan yang dikesan dan disenaraikan dalam sebut harga Century Legion. PP enggan menanggung kos ini dan sebaliknya merujuk pembaikan kepada panelnya HV Racing Sdn Bhd dibawah skim polisi warranti ‘my Car’ yang melindungi kereta ini. Setakat ini HV Racing cuma membaiki Cam Sensor dan nilai keseluruhan adalah RM640.00 (Lampiran 2) dan PP tidak bersetuju dengan tuntutan PYM berdasarkan sebut harga RM5669.15 oleh Century Legion Sdn Bhd.

1.3 Oleh kerana PYM tidak puas dengan keadaan kereta dan keputusan PP yang menolak cadangan pembaikan kerosakan mengikut Century Legion dan sebaliknya mahu merujuk ke panelnya H V Racing, PYM telah mendesak supaya PP membeli balik kereta tersebut . Rundingan telah dibuat dan PP bersetuju membeli kembali kereta tersebut dengan syarat PYM membayar RM7240.98 sebagai sewaan untuk tempoh 28 hari dengan kadar RM350 sehari iaitu tempoh kegunaan kereta oleh PYM.

ISU UTAMA

1.4 Selepas perjanjian membeli kembali kereta oleh PP dari PYM, PYM telah memfailkan tuntutan ini untuk menuntut antara lain kerugian yang dialaminya termasuk perubahan odometer kereta yang menjadi isu. PYM telah mengemukakan dokumen, (Lampiran 1) iaitu sebut harga dari Century Legion Sdn Bhd, Pusat Servis Ford yang menyatakan kereta Ford Ranger tersebut telah mencatatkan perbatuan sebenar 141538 km pada kali terakhir kereta itu diservis sebelum ini. Namun demikian perbatuan yang dipaparkan dalam meter kereta pada tarikh ia diperiksa oleh Century Legion iaitu pada 11 Sep 2023 adalah 91997 km.

1.5 Isu perubahan odometer tidak ditimbulkan dalam rundingan antara kedua-dua pihak sebelum ini dan PYM kini menjadi isu dalam tuntutan PYM di TPM kerana terasa ditipu membeli kereta yang dinyatakan mempunyai

perbatuan yang rendah. Saya membenarkan tuntutan ini didengar sebab isu ini tidak diutarakan oleh kedua-dua pihak semasa rundingan pembelian balik dan merupakan suatu tuntutan yang sah oleh PYM. PP telah tidak menafikan perbatuan yang dinyatakan oleh Century Legion tetapi menafikan penglibatan dalam angkara menukar perbatuan dalam odometer. Pembeli telah membeli kereta ini berdasarkan perbatuan yang lebih rendah seperti dipaparkan dalam odometer. Sebarang penukaran perbatuan dalam odometer merupakan suatu salah nyata terhadap pelanggan yang hendak membelinya. Namun demikian tiada bukti dikemukakan bahawa PP yang melakukan penukaran catatan odometer tersebut. Kemungkinan pemunya kereta sebelum ini telah melakukan penipuan sebelum menjualkannya kepada PP supaya mendapat harga yang lebih tinggi.

UNDANG-UNDANG

1.6 Isunya samada berlaku salah nyata dalam kes ini oleh PP yang membolehkan PYM memohon supaya kontrak dibatalkan dan menuntut kerugiannya. Adalah diperhatikan dalam undang-undang kontrak bahawa ia adalah “trite law” bahawa walaupun bukan peryataan salah secara frod , PP hendaklah bertanggungjawab terhadap “innocent misrepresentation” terhadap PYM. Kesannya adalah kontrak boleh dibatalkan atau “voidable” oleh pihak yang terkesan, iaitu PYM. Maka PYM boleh membatalkan suatu kontrak yang dipengaruhi salah nyata dan menuntut gantirugi. Seksyen 18 Akta Kontrak 1950 menyatakan -

*“Misrepresentation” includes—(a) the positive assertion, in a manner not warranted by the information of the person making it, **of that which is not true, though he believes it to be true;**”*

Seksyen 19(1) memberikan hak kepada pihak yang terkesan untuk membatalkan kontrak dan menuntut gantirugi –

“When consent to an agreement is caused by coercion, fraud, or misrepresentation, the agreement is a contract voidable at the option of the party whose consent was so caused”

1.7 Isu sampingan adalah bagaimana menetapkan perbezaan nilai dan harga sesuatu unit Ford Ranger yang mempunyai perbatuan yang berbeza 50,000 km

sedangkan tiada contoh ditemui oleh kedua-dua pihak. Kebiasaannya kereta baru diberikan warranti 5 tahun atau 100,000 km yang mana terdahulu. Oleh yang demikian perbezaan 50000km adalah substantif. Saya memutuskan bahawa gantirugi RM5000 adalah menasabah atas ‘innocent misrepresentation’ oleh PP kepada PYM yang telah mendorong PYM membayar harga yang lebih tinggi dari yang sepatutnya dalam keadaan ini. Tambahan pula PYM telah dikenakan kos sewaan yang amat tinggi oleh PP iaitu RM350.00 sehari untuk 28 hari iaitu berjumlah RM7240.98.

KEPUTUSAN BORANG 10

1.8 Maka dengan ini setelah mengambil kira semua faktur, keterangan lisan dan dokumen yang dikemukakan, adalah di perintahkan seperti berikut

“Penentang hendaklah membayar balik wang sejumlah RM5000.00 kepada Pihak Yang Menuntut dalam masa 14 hari dari tarikh award hari ini .”

t.t.

**Lee Chee Thim
Presiden TTPM
12 Dis 2023**